

BAB 6 MALAYSIA DAN EKONOMI GLOBAL

6.1 GLOBALISASI

1. Antara berikut, yang manakah faktor-faktor penggalak globalisasi sesebuah negara?
 - I Ekonomi negara yang semakin liberal
 - II Kewujudan pelbagai syarikat multinasional
 - III Wujudnya blok perdagangan antara wilayah dan rantau
 - IV Pelbagai sekatan ekonomi diperkenalkan oleh sesebuah negara
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
2. Apakah faktor penggalak globalisasi?
 - A Peningkatan kos pengangkutan
 - B Perkembangan teknologi maklumat
 - C Perkembangan kemahiran modal insan
 - D Peningkatan usaha sama dengan syarikat tempatan
3. Situasi yang manakah menunjukkan risiko bagi syarikat multinasional?
 - A Budaya dan bahasa berbeza di dalam negara
 - B Berlaku perubahan parti politik di negara asal
 - C Menerima bantahan daripada masyarakat tempatan
 - D Mengalirkan sebahagian besar keuntungan kepada firma induk
4. Pernyataan yang manakah betul berkaitan peranan khusus kerajaan dalam menggalakkan globalisasi?
 - A Mengecualikan visa semasa ketibaan pelancong
 - B Pembukaan lapangan terbang baharu
 - C Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi
 - D Infrastruktur pengangkutan yang terancang
5. Antara berikut yang manakah merupakan risiko operasi Syarikat Multinasional di peringkat Antarabangsa?
 - I Menggalakkan aktiviti lambakan
 - II Kehilangan aset akibat perbezaan politik
 - III Meningkatkan kuasa monopoli pengeluar
 - IV Menerima bantahan daripada Masyarakat
 - A I dan II
 - B II dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

6. Apakah dorongan firma beroperasi di luar negara?

- I Harga input pengeluaran yang relatif lebih mahal di luar negara
- II Jarak yang lebih jauh akan menurunkan kos pengeluaran
- III Firma menikmati perlindungan perdagangan di luar negara
- IV Saiz pasaran dalam negara terhad

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

7. Antara berikut, pilih cara yang digunakan untuk membuat pelaburan langsung asing.

- I Membina kemudahan pengeluaran di negara sendiri
- II Mengadakan usaha sama dengan syarikat tempatan
- III Membuka anak syarikat yang berdaya maju
- IV Membuat pengambilalihan syarikat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

6.2 PERDAGANGAN ANTARABANGSA

8. Pernyataan manakah yang menerangkan tujuan kuota dikenakan dalam perdagangan antarabangsa?

- A Melindungi industri tempatan
- B Meningkatkan penawaran barangan import
- C Menjamin keselamatan negara
- D Menambahkan hasil kerajaan

9. Pernyataan di bawah berkaitan dengan satu perjanjian perdagangan.

Perjanjian ini dibuat oleh Asia Tenggara (ASEAN) untuk pengeluaran tempatan semua negara yang terlibat.

Antara berikut, yang manakah merupakan perjanjian perdagangan yang dimaksudkan dalam pernyataan di atas?

- A Perjanjian Kerjasama Trans-Pasifik
- B Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN
- C Perjanjian Perkongsian Ekonomi Malaysia-Jepun
- D Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Australia

10. Mengapakah kerajaan mengenakan sekatan bukan ekonomi terhadap barang import?
- A Memperbaiki imbalan pembayaran
 - B Meningkatkan peluang pekerjaan
 - C Mematuhi piawaian dan kualiti
 - D Menambah pendapatan negara

11. Maklumat berikut berkaitan dengan perdagangan antarabangsa.

Eksport minyak kelapa sawit Malaysia ke China dijangka melonjak.

Sumber: BHONLINE April 25, 2023

Situasi di atas wujud disebabkan

- A iklim dan tanah
 - B sumber semula jadi
 - C harga faktor pengeluaran
 - D tingkat kecekapan pengeluaran
12. Antara berikut, yang manakah tujuan kerajaan mengenakan kuota terhadap barang import?
- I Memperbaiki imbalan pembayaran
 - II Menambahkan pendapatan negara
 - III Menawarkan pelbagai pilihan kepada pengguna tempatan
 - IV Melindungi industri muda tempatan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
13. Apakah kesan kepada rakyat Malaysia apabila kerajaan mengenakan tarif ke atas barang import?
- A Kuantiti barang import meningkat
 - B Kuantiti barang tempatan menurun
 - C Harga barang import menjadi murah
 - D Harga barang tempatan relatif murah

14. Maklumat berikut berkaitan dengan perdagangan antarabangsa.

En Charles dan isterinya bercuti di Pulau Manuka, Sabah dengan menaiki
Malaysia Airlines

Apakah komponen eksport barang tak nampak berdasarkan maklumat di atas?

- I Perkhidmatan Pembinaan
- II Perkhidmatan Perkilangan
- III Perkhidmatan Pelancongan
- IV Perkhidmatan Pengangkutan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15. Antara berikut, yang manakah keburukan sekatan perdagangan antarabangsa?

- I Pengangguran berkurang
- II Penawaran barang import jatuh
- III Pengagihan pendapatan tidak adil
- IV Pengguna membayar harga yang tinggi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

16. Antara berikut, yang manakah merupakan tujuan kerajaan mengenakan sekatan terhadap barang import?

- I Meningkatkan pendapatan negara
- II Memperbaiki imbalan pembayaran
- III Mengurangkan eksport ke luar negara
- IV Menggalakkan penawaran barang import

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

21. Matlamat utama perjanjian perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) adalah bertujuan untuk

- A mewujudkan kuasa monopoli yang tunggal dalam hubungan perdagangan dengan Eropah
- B meningkatkan daya saing ASEAN melalui penghapusan sekatan tarif dan bukan tarif
- C mengurangkan pergantungan import barang penggunaan dari negara maju
- D mengamalkan dasar perlindungan antara semua negara anggota

22. Mengapakah kerajaan mengenakan kuota terhadap barang import?

- A Mengurangkan daya saing barang tempatan
- B Melindungi industri muda dan tempatan
- C Meningkatkan pendapatan negara
- D Meluaskan pilihan pengguna

23. Antara yang berikut, yang manakah keburukan perdagangan antarabangsa?

- I Meningkatkan lambakan barang
- II Meningkatkan kepupusan sumber
- III Membeli barang dengan lebih murah
- IV Meningkatkan kecekapan pengeluaran

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

24. Apakah bentuk sekatan yang boleh meningkatkan hasil negara?

- A Tarif
- B Kuota
- C Embargo
- D Kawalan pertukaran asing

6.3 IMBANGAN PEMBAYARAN

25. Jadual 8 menunjukkan eksport dan import nampak Malaysia pada suatu tahun.

Butiran	Jumlah (RM juta)
Eksport kayu balak	9 948
Eksport gas asli cecair	11 300
Eksport barang perkilangan	317 937
Import barang modal	47 064
Import barang perantaraan	230 611

Jadual 8

Apakah keadaanimbangan dagangan negara tersebut?

- A Lebihan RM61 510 juta
- B Lebihan RM339 185 juta
- C Kurangan RM61 510 juta
- D Kurangan RM339 185 juta

26. Antara yang berikut, yang manakah mendorong imbalan dagangan cenderung positif?

- I Peningkatan import produk tempatan oleh syarikat asing
 - II Firma tempatan menambah pelaburan di negara luar
 - III Kemasukan pelancong asing bertambah
 - IV Nilai ringgit rendah di pasaran global
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

27. Apakah komposisi eksport nampak Malaysia?

- A Kereta Ferrari buatan negara Itali
- B Jualan minyak sawit Malaysia di Australia
- C Perkhidmatan Penerbangan MAS ke Vietnam
- D Konsert kumpulan k-Pop Super Junior dari Korea Selatan

28. Antara berikut, yang manakah yang merupakan kesan defisit akaun semasa?

- I Penurunan dalam pendapatan negara
 - II Penurunan guna tenaga
 - III Peningkatan taraf hidup
 - IV Peningkatan kadar pertukaran asing
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

29. Pilih pasangan yang betul.

A	Eksport Nampak	Malaysia memperoleh tepung gandum dari India
B	Import Nampak	Australia menghantar epal berkualiti ke Malaysia
C	Eksport tak Nampak	Pelajar Malaysia diterima oleh Universiti Singapura
D	Import tak Nampak	Kerajaan Brunei menggunakan pakar ekonomi dari Malaysia

30. Bagaimanakah defisit akaun semasa dapat diperbaiki?
- A Membina lebih banyak hospital dan poliklinik awam
 - B Menghantar lebih ramai pelajar cemerlang ke luar negara
 - C Memperluaskan kutipan cukai langsung dan tidak langsung
 - D Meningkatkan insentif terhadap pengusaha produk pelancongan tempatan
31. Tindakan yang manakah dapat melindungi industri muda tempatan?
- A Menghapuskan pengenaan levi
 - B Melonggarkan syarat memperoleh visa
 - C Memperluaskan kawasan zon industri bebas cukai
 - D Meningkatkan usaha penyelidikan dan pembangunan
32. Situasi yang manakah menunjukkan contoh eksport tak nampak negara?
- A Farina Logistik, salah sebuah firma dari Singapura mendapat kontrak membina pelabuhan di Johor
 - B Encik Shukri ditawarkan untuk menyambung pengajian di University of Seoul, Korea
 - C Azilah Beauty memasarkan produk kecantikan di ekspo perniagaan China
 - D Encik Esteban Solari menginap di Hotel Taiping Perdana semasa melancong ke Perak
33. Maklumat berikut berkaitan dengan keadaan Akaun Semasa Malaysia.

Imbangan Akaun Semasa Malaysia catat lebih lebih tinggi RM26.1 bilion pada suku ketiga 2020.

Penyataan yang manakah betul tentang keadaan tersebut?

- A Nilai ringgit cenderung turun
 - B Kuantiti import dari luar negara berkurang
 - C Penawaran ringgit melebihi permintaan ringgit
 - D Aliran keluar wang dari dalam negara bertambah
34. Maklumat berikut berkaitan dengan perdagangan antarabangsa.

En Charles dan isterinya bercuti di Pulau Manuka, Sabah dengan menaiki Malaysia Airlines

Apakah komponen eksport barang tak nampak berdasarkan maklumat di atas?

- I Perkhidmatan Pembinaan
- II Perkhidmatan Perkilangan
- III Perkhidmatan Pelancongan
- IV Perkhidmatan Pengangkutan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

35. Situasi yang manakah boleh memperbaiki imbalan pembayaran bagi Malaysia

- A Peningkatan kemasukan pelancong Jepun
- B Bilangan pelajar Malaysia di India bertambah
- C Syarikat Munchy's meningkatkan pelaburan di negara Bahrin
- D Rakyat Malaysia menempah tiket pelayaran Louis Cruise Lines

36. Pasangan yang manakah betul?

	Urusniaga	Situasi
A	Eksport Barang Nampak	Sebuah Syarikat di London membeli perisian komputer dari Negara Malaysia
B	Eksport Barang Tak Nampak	Syarikat tempatan membuat bayaran penggunaan hak cipta kepada sebuah syarikat Jepun
C	Import Barang Nampak	Sebuah pasar raya Malaysia membeli pakaian dari Amerika Syarikat
D	Import Barang Tak Nampak	Pelakon tempatan menerima bayaran upah dari negara Indonesia

37. Situasi yang manakah direkodkan dalam akaun pendapatan sekunder?

- A Rakyat Indonesia menghantar balik wang yang bekerja di Malaysia
- B Kerajaan Malaysia memberi sumbangan kepada rakyat Palestin
- C Syarikat Jepun menggunakan kapal milik Malaysia
- D Pelancong Sepanyol menginap di Hotel Malaysia

38. Jadual 8 menunjukkan sebahagian imbalan pembayaran Malaysia.

Butiran	RM juta
Barangan	140 000
Perkhidmatan	1 457
Pendapatan primer	-26 941
Pendapatan sekunder	-17 420
Pindahan modal	-144
Kewangan	-20 216

Jadual 8

Berapakah imbalan akaun semasa Malaysia?

- A RM 76736 juta
- B RM 76880 juta
- C RM 96952 juta
- D RM 97096 juta

39. Apakah kesan lebih akaun semasa?

- A Produktiviti bertambah
- B Pertambahan guna tenaga
- C Permintaan yang tinggi terhadap import
- D Peningkatan pembayaran pendapatan primer

40. Situasi yang manakah dapat memperbaiki imbalan pembayaran Malaysia?

- A Atlet negara menyertai Temasya Sukan Sea di Thailand
- B Pekerja Malaysia di Singapura mengirim wang ke Malaysia
- C Firma Malaysia membuat pelaburan dalam bidang hartanah di Malaysia
- D Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia membiayai pelajar melanjutkan pelajaran ke luar Negara

41. Pasangan manakah yang **betul** tentang komposisi eksport dan import negara?

	Keterangan	Jenis Komposisi
A	Persatuan Badminton Malaysia menghantar skuad negara menyertai Kejohanan China Masters di Beijing	Import nampak
B	Universiti di Eropah Timur menempah alatan makmal perubatan keluaran Geliga Medic (M) Sdn Bhd	Eksport tak nampak
C	Emiriah Arab Bersatu (UAE) menambah kemasukan buah-buahan segar tropika keluaran FAMA	Eksport Nampak
D	Petronas Carigali meningkat pelaburan hiliran dalam sektor petroleum dan gas di Algeria	Import tak nampak

42. Apakah yang menyebabkan imbalan dagangan cenderung defisit?

- A Barang eksport ke luar negara
- B Barang import dari luar negara
- C Kiriman wang pekerja ke negara asalnya
- D Kemasukan pelancong asing ke dalam negara

43. Antara yang berikut, yang manakah direkodkan dalam akaun perkhidmatan?

- I Nilai import barang tak nampak
 - II Nilai import barang nampak
 - III Nilai eksport barang nampak
 - IV Nilai eksport barang tak nampak
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

44. Situasi yang manakah boleh memperbaiki imbalan pembayaran bagi Malaysia?

- A Kemasukan pelancong Korea bertambah
- B Pelaburan Malaysia di Vietnam meningkat
- C Penggunaan kapal terbang Qatar Airways meningkat
- D Penghantaran pelajar Malaysia ke Indonesia bertambah

6.4 KADAR PERTUKARAN ASING

45. Situasi yang manakah **betul** berkaitan permintaan atau penawaran Ringgit Malaysia (RM)?

	Situasi	RM
I	Rakyat Jepun ramai yang melancong ke Langkawi	Penawaran
II	Encik Ahmad dan keluarganya melancong ke Vietnam	Permintaan
III	Pasukan bola sepak JDT menggunakan khidmat jurulatih dari Jerman	Penawaran
IV	Syarikat kereta di Korea meningkatkan bekalan bahan getah dari Malaysia	Permintaan

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
46. Jadual 9 menunjukkan perubahan kadar pertukaran di antara Dolar Amerika (USD) dengan Ringgit Malaysia (RM) dari tahun 2021 kepada 2022.

Tahun	2021	2022
Kadar pertukaran	USD1 = RM4.30	USD1 = RM4.35

Jadual 9

Pernyataan yang manakah **betul** tentang perubahan kadar pertukaran tersebut?

- A Imbangan dagangan Malaysia cenderung negatif
B Permintaan import oleh Malaysia berkurang
C Harga barang buatan Amerika lebih murah
D Amerika mengurangkan penawaran dolar
47. Maklumat di bawah menunjukkan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia dengan Dolla Amerika.

$$\text{USD1} = \text{RM4.15}$$

Hitunglah jumlah Ringgit Malaysia yang diperlukan oleh Fina yang ingin membeli sehelai baju yang bernilai USD128 ketika melancong di New York.

- A RM30.84
B RM128.00
C RM132.15
D RM531.20

48. Situasi manakah yang menyebabkan berlaku permintaan ke atas Ringgit Malaysia?

- I Syarikat Malaysia melabur di Vietnam
 - II Kemasukan pelaburan Jerman ke Malaysia
 - III Qatar membeli minyak sawit dari Malaysia
 - IV Malaysia beri bantuan kepada mangsa banjir Thailand
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

49. Jadual berikut menunjukkan perubahan kadar pertukaran Ringgit Malaysia (RM) berbanding Dolar Amerika.

Tahun	Kadar pertukaran asing
2021	USD1=RM 4.49
2022	USD1=RM 4.11

Apakah kesan ke atas Malaysia pada tahun 2021 berbanding tahun 2022?

- A Permintaan terhadap Ringgit Malaysia akan meningkat
B Harga eksport Malaysia ke Amerika lebih mahal
C Imbangan dagangan Malaysia cenderung positif
D Jumlah import dari Amerika akan menurun
50. Situasi yang manakah berkaitan dengan penawaran Ringgit Malaysia?
- I Sebuah syarikat Singapura mengimport beras dari Sekinchan Selangor
 - II Tabung Haji membawa jemaah dari Putrajaya menunaikan ibadah di Mekah
 - III Peminat bola dari Malaysia menggunakan Qatar Airways untuk menyaksikan Piala Dunia di Doha
 - IV Syarikat permotoran dari Itali menyewa kapal kargo Malaysia untuk memasarkan produknya
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
51. Maklumat berikut menunjukkan perubahan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Dolar Amerika (USD).

Januari 2022	Januari 2023
USD1.00 = RM4.26	USD1.00 = RM4.46

Apakah kesan daripada perubahan tersebut?

- I Jumlah eksport meningkat
 - II Harga import lebih mahal
 - III Jumlah import meningkat
 - IV Harga eksport lebih mahal
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

52. Antara berikut yang manakah merupakan kepentingan pertukaran asing kepada Malaysia?
- I Membayar hutang luar individu
 - II Membuat pelaburan dalam negara
 - III Membiayai pengeksporth luar negara
 - IV Mempertahan nilai Ringgit Malaysia
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
53. Maklumat berikut berkaitan kadar pertukaran asing dalam negara.

1 Jan 2023 USD 1 = RM 4.65

1 Jun 2023 USD 1 = RM 4.69

Sumber :www.anm.goy.my

Apakah kesan maklumat tersebut terhadap ekonomi?

- I Berlaku inflasi diimport
 - II Harga eksport menjadi murah
 - III Imbangan dagangan bertambah buruk
 - IV Nilai Ringgit Malaysia mengalami kejatuhan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
54. Maklumat di bawah menunjukkan kadar pertukaran antara Dolar Amerika Syarikat (USD) dengan Ringgit Malaysia (RM).

Tahun	Kadar Pertukaran
Disember 2019	USD1= RM3.80
Januari 2020	USD1= RM4.10

Firma Y mengimport suatu barang dari Amerika Syarikat bernilai USD50 000 pada bulan Disember 2019, tetapi pembayaran dilakukan pada Januari 2020.

Pasangan yang manakah **betul** tentang kesan kepada Firma Y?

	Untung / Rugi	Nilai (RM)
A	Untung	15 000.00
B	Untung	962.80
C	Rugi	962.80
D	Rugi	15 000.00

55. Permintaan terhadap Ringgit Malaysia akan berlaku apabila
- A Nilai mata wang tinggi di pasaran
 - B Jumlah eksport negara meningkat
 - C Cukai import dari luar negara menurun
 - D Pemindahan modal ke luar negara merosot
56. Situasi yang manakah menyebabkan berlakunya permintaan terhadap Ringgit Malaysia?
- A Ringgit Malaysia diramal meningkat
 - B Pelaburan syarikat Malaysia di Thailand
 - C Pelajar melanjutkan pelajaran di New Zealand
 - D Syarikat QC membeli mesin pengadun daripada Negara Jepun
57. Jadual 7 menunjukkan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia dan Brunei Dollar.

Mata Wang	Harga Belian (RM)	Harga Jualan (RM)
1 Brunei Dolar (BDN)	3.43	3.47

Jadual 7

En Zakaria seorang pelancong dari Brunei ingin menukar BDN 5000 kepada Ringgit Malaysia. Hitung jumlah Ringgit Malaysia yang akan diterima Encik Zakaria.


- A RM 1,440.92
 - B RM 1,457.72
 - C RM 17,150.00
 - D RM 23,596.00
58. Apakah yang menyebabkan imbalan dagangan cenderung defisit?
- A Barang eksport ke luar negara
 - B Barang import dari luar negara
 - C Kiriman wang pekerja ke negara asalnya
 - D Kemasukan pelancong asing ke dalam negara

59. Pernyataan manakah yang betul berkaitan kadar pertukaran asing?
- A Pertukaran asing merujuk kepada mata wang asing yang diniagakan oleh sesebuah negara
 - B Kadar pertukaran asing ialah harga mata wang sesebuah negara yang dinyatakan dalam nilai mata wang asing
 - C Harga jualan merujuk kepada harga bank atau money trader yang membeli mata wang asing untuk mendapatkan mata wang tempatan sesebuah negara
 - D Harga belian merujuk kepada harga bank atau money trader yang menjual mata wang asing dengan menukarkan mata wang tempatan sesebuah negara
60. Jadual di bawah menunjukkan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Dolar Amerika (USD).

Mata Wang	Harga Belian (RM)	Harga Jualan (RM)
1 USD	4.08	4.16

Berapakah yang perlu dibayar dalam nilai USD oleh seorang pelancong Amerika Syarikat yang ingin membeli beg sukan yang berharga RM 480 di pasar raya di Kedah?

- A USD 115.38
 - B USD 117.65
 - C USD 1 958.40
 - D USD 1 996.80
61. Maklumat di bawah menunjukkan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Dollar Singapura (SGD).



Berapakah nilai dalam Ringgit Malaysia yang perlu dibayar oleh seorang pelancong Malaysia yang membeli sebuah beg berjenama berharga SGD1 200 di sebuah butik terkenal di negara tersebut?

- A RM349.68
- B RM3 768.84
- C RM4 118.05
- D RM4 468.20